

PERANAN BADAN-BADAN DAKWAH KERAJAAN DALAM PENYEBARAN ISLAM DI SARAWAK

Ahmad Nasir Mohd Yusoff

ABSTRAK

Kertas kerja ini bertujuan untuk mengenal pasti sejauhmana peranan dan sumbangan badan-badan dakwah kerajaan terhadap masyarakat peribumi Sarawak termasuk masyarakat Orang Ulu di Sarawak. Dua metod utama digunakan dalam penyelidikan ini iaitu penyelidikan perpustakaan dan penyelidikan lapangan. Sementara metode deduksi dan induksi digunakan khusus untuk menganalisis data. Penyelidikan ini mendapati pendekatan dakwah melalui pendidikan di Sarawak kepada masyarakat Orang Ulu telah dilakukan oleh Jabatan Agama Islam Sarawak Cawangan Kuching (JAIS), Jabatan Agama Islam Sarawak Bahagian Bintulu (JAIS), Majlis Islam Sarawak (MIS), Institut Kemahiran Islam Sarawak (IKMAS), Jabatan Kemajuan Islam Cawangan Sarawak (JAKIM), Pusat Penerangan Islam Sarawak (IIC) dan Bahagian Pendidikan Islam Dan Moral (BPIM) Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) Bahagian Sarawak (Bintulu)

Kata kunci: *peranan dakwah, orang ulu, pendekatan, pendidikan, kerajaan dan institusi*

THE ROLE OF GOVERNMENT PROPAGANDA AGENCIES IN ISLAMIC DISSEMINATION IN SARAWAK

ABSTRACT

This paper aims to identify the extent of the role and contribution of government propaganda agencies to indigenous Sarawak communities including the Orang Ulu community in Sarawak. Two main methods are used in this research, library research and field research. While deduction and induction methods are used specifically to analyze data. This research finds that the spread of da'wah through education in Sarawak to the Orang Ulu community has been carried out by the Sarawak Islamic Religious Department of Kuching Branch (JAIS), Bintulu Division of Islamic Religion of Sarawak (JAIS), Sarawak Islamic Council (MIS), Sarawak Islamic Skills Institute (IKMAS) , Sarawak Islamic Development Department (JAKIM), Sarawak Islamic Information Center (IIC) and Islamic and Moral Education Division (BPIM) Sarawak Division Education Division (PPD)

Key words: *role of da'wah, orang ulu, approach, education, government and institution.*

PENGENALAN

Kamus Dewan (1998:1305) mendefinisikan maksud strategi iaitu ilmu tentang cara-cara merancang dan melaksanakan tindak tanduk peperangan atau ilmu siasat perang. Ia juga bermaksud rancangan atau pendekatan yang utama yang dilaksanakan sekaligus dan bersepadu. Manakala dalam Kamus Besar Utusan (1995:1778) strategi bermaksud siasat, taktik dan muslihat. Menurut Prof. Dr Muda @Ismail Abd.Rahman (1997:97), strategi dakwah perlu dipelajari oleh setiap kader-kader dakwah seperti mengenalpasti latarbelakang alam, suasana dan keadaan masyarakat yang unik terutamanya di Sarawak kerana setiap etnik Sarawak memiliki adat resam dan tradisi yang berbeza antara satu sama lain. Berdasarkan huraian di atas dapat disimpulkan strategi dan pendekatan dakwah amat penting untuk difahami dan dipraktikkan di bumi Sarawak dan penulis mendapati pelaksanaan dakwah kepada masyarakat 'Orang Ulu' di Sarawak dan masyarakat Penan khususnya di bahagian Bintulu telah dilakukan oleh pelbagai pertubuhan dakwah dan menggunakan pelbagai strategi.

Sejak kedatangan Islam ke Sarawak lagi, Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) giat menjalankan tugas dan aktiviti dakwah serta juga memberi fokus terhadap usaha-usaha dakwah kepada masyarakat 'Orang Ulu' termasuk etnik Penan di Sarawak. Usaha murni tersebut turut dilakukan oleh Majlis Islam Sarawak (MIS) dan Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) Cawangan Kuching dan dibantu oleh badan-badan dakwah bukan kerajaan (NGO) dengan kerjasama yayasan dan badan persendirian dakwah seperti HIKMAH, Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) dan lain-lain. Walau bagaimanapun kajian ini hanya menumpukan peranan institusi dakwah kerajaan sahaja yang mempraktikkan pendekatan pendidikan dalam dakwah. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, pendekatan dan strategi yang dilaksanakan untuk menyampaikan dakwah kepada masyarakat 'Orang Ulu' dan etnik Penan oleh institusi dakwah kerajaan ialah melalui pendekatan pendidikan. Maka penulisan ini memfokuskan kepada pendekatan dan strategi dakwah melalui pendidikan kepada masyarakat 'Orang Ulu' amnya dan etnik Penan khususnya di bahagian Bintulu Sarawak.

Pendekatan Dakwah Melalui Pendidikan Kepada Orang Penan Dan ‘Orang Ulu’ Sarawak

Bagi mengenalpasti strategi dan pendekatan dakwah melalui pendidikan kepada masyarakat ‘Orang Ulu’ amnya dan etnik Penan khususnya di bahagian Bintulu Sarawak perlu dilihat pendekatan dakwah yang telah dijayakan oleh institusi dakwah kerajaan seperti Jabatan Kemajuan Islam Cawangan Kuching (JAKIM), Jabatan Agama Islam Bahagian Bintulu Dan Kuching (JAIS), Majlis Islam Sarawak (MIS), Tabung Baitul Mal Sarawak (TBS), Institut Kemahiran Islam Sarawak (IKMAS), Pusat Penerangan Islam Sarawak (IIC) dan Bahagian Pendidikan Islam Dan Moral (BPIM) Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) bahagian Bintulu Sarawak.

JAKIM Cawangan Sarawak

Strategi dakwah menerusi pendidikan antara pendekatan terbaik dipraktikkan oleh JAKIM Cawangan Sarawak kepada ‘saudara kita’ yang baharu memeluk Islam. Bagi melicinkan operasi dakwah, JAKIM Cawangan Sarawak telah menganjurkan program-program pementapan akidah sebanyak 102 program, pengurusan dakwah 48 program, dakwah bil hal 70 program dan aktiviti perpaduan ummah sebanyak 30 program kepada kader-kader dakwah dan ‘saudara kita’ sepanjang tahun. Program ini mensasarkan seluruh bahagian di Sarawak antaranya Kuching, Samarahan, Sri Aman, Betong, Sibul, Sarekei, Mukah, Kapit, Miri, Bintulu, Lawas dan Limbang

Menurut Mastuyah bt. Sahari, pegawai agama JAKIM (Temu bual, 6 November 2012), aktiviti dakwah JAKIM Cawangan Sarawak khususnya dalam menyebarkan Islam dan menjaga kebajikan ‘saudara kita’ di seluruh Bahagian Sarawak amat menggalakkan. Aktiviti yang diterapkan bertujuan memudahkan kefahaman masyarakat ‘saudara kita’ terhadap Islam seperti mengadakan Majlis Mesra ‘Saudara Kita,’ Lawatan Dan Ziarah Muhibbah, Kursus Penerapan Nilai-Nilai Murni, Program Bersama Masyarakat Sarawak Dan Program Bersama ‘Saudara Kita’ dan pada masa kini dikenali pula sebagai ‘Saudara Muslim’. Setelah ‘saudara kita’ ini memeluk Islam, JAKIM Cawangan Sarawak menganjurkan kuliah-kuliah agama. Kuliah agama merupakan aktiviti susulan selepas ‘saudara kita’ memeluk Islam. Disebabkan kebanyakan ‘saudara kita’ ini masih baharu dengan Islam dan tidak begitu memahami pendidikan dan inisiatif ajaran Islam

sudah tentu kuliah pengajian agama Islam ini mampu membantu memberi kefahaman dan mengukuhkan akidah mereka.

Di samping disediakan guru tetap untuk mengajar saudara kita ini tentang pengajian ilmu-ilmu Islam, turut dibekalkan info-info mudah menerusi risalah-risalah, kaset-kaset, CD/DVD, memo tentang cara-cara mengerjakan solat, kefahaman rukun iman dan rukun Islam, hadas, cara-cara berwuduk, taharah, puasa dan syarat puasa dan sebagainya. Malahan semasa sesi kuliah dijalankan, guru-guru yang dilantik sengaja membuka persoalan dan pertanyaan agar 'saudara kita' benar-benar memahami, menghayati dan menghilangkan sebarang keraguan tentang Islam.

Selain kuliah pengajian agama, JAKIM Cawangan Sarawak juga mengadakan siri kursus dakwah dan bengkel peningkatan kefahaman Islam serta latihan praktikal Islami mengikut zon-zon yang telah ditetapkan. Zon-zon yang dimaksudkan adalah Zon Kuching, Zon Samarahan, Zon Sri Aman & Betong, Zon Sibu, Sarekei, Mukah & Kapit, Zon Miri & Bintulu dan Zon Lawas & Limbang. Bagi mempertingkatkan kefahaman, kemahiran serta pengetahuan 'saudara kita' dalam memahami dan mengamalkan kaedah ilmu-ilmu al-Quran, peranan yang dijalankan oleh Bahagian Dakwah JAKIM Cawangan Sarawak untuk 'saudara kita' adalah dengan mengadakan kursus atau bengkel pendidikan fardu ain dan tahsin al-Quran yang diadakan di perkampungan 'Saudara Kita' dan merupakan program bulanan berkala. Tumpuan kelas Fardu Ain ini adalah kepada 'Saudara Kita.' Sambutan yang diterima amat menggalakkan dengan penyertaan 'saudara kita' antara 60 hingga 80 orang.

Beberapa lokasi di seluruh Bahagian Sarawak dipilih untuk mengadakan kursus kepada 'saudara kita' antaranya di surau, masjid dan dewan orang ramai daerah Serian, Bau, Pedawan, Sri Aman, Miri, Sarikei, Seratok, Tebedu, Limbang, Sibu, Song, Simunjan, Lawas dan Tanjung Manis. (Laporan Aktiviti. Dakwah JAKIM 2011). JAKIM Cawangan Kuching melalui Bahagian Dakwah turut memberi latihan dan kursus kepada para imam, bilal dan AJK Masjid / Surau 'Saudara Kita' bertujuan memudahkan mereka menunaikan tanggungjawab apabila kembali ke perkampungan masing-masing. Kursus ini dijalankan secara berkala melibatkan Siri 2 hingga Siri 3 iaitu dari bulan Julai hingga bulan Desember dan diadakan pada setiap tahun

Tempat diadakan adalah di pejabat HIKMAH Serian dan Bau. Perlantikan imam, bilal dan AJK Masjid atau Surau dari kalangan etnik mereka sendiri diharapkan akan menarik lebih ramai etnik-etnik bukan Islam menerima Islam dan memastikan syiar Islam terus kekal bertapak di bumi Sarawak.

Kelas Pengajian Akidah 'saudara kita' juga diadakan secara berkala dari bulan Januari hingga Disember pada setiap tahun di perkampungan 'saudara kita.' Ia telah diadakan di lokasi-lokasi terpilih. Kumpulan sasaran meliputi masyarakat awam setempat dan 'Saudara Kita'. Sambutan yang diterima daripada 'Saudara Kita' amat menggalakkan. Ia melibatkan penyertaan antara 80-100 orang (Temubual Siti Meriam 2010).

Antara tempat yang terlibat seperti di surau, masjid, pejabat HIKMAH, dewan orang ramai, dewan serbaguna dan dewan sekolah daerah Miri, Serian, Lawas, Saratok, Kuching, Sibul, Betong, Simunjan, Kabong, Daro, Oya, Matu, Limbang, Sadong Jaya dan Mukah. Beberapa penceramah dari dalam dan luar Sarawak dijemput untuk tujuan pemantapan akidah 'saudara kita' seperti Ustaz Mohd Hatta Omar Ali, Ustaz Abd. Qahar b. Ismail, Ust. Hj. Ibrahim b. Hj. Hai Lee, Ustaz Hamdan b. Jar'ee dan Ustaz Shamsul Anuar b. Arshad.

Bagi memantapkan lagi kefahaman dan penghayatan mereka terhadap Islam, kelas-kelas pengajian wanita turut diadakan di perkampungan 'saudara kita' dan surau-surau di daerah Kuching, Sadong Jaya dan Miri. Pengisian program meliputi kelas-kelas Fardu Ain berkaitan isu-isu kewanitaan, pemahaman al-Quran dan praktis solat. Melalui sambutan Maal Hijrah Perkampungan 'Saudara Kita' dan ceramah-ceramah agama berjaya mendekatkan diri mereka dengan Islam. Program ini berjaya diadakan di beberapa buah surau seperti di Tebedu, Dewan Mutiara dan Dewan Masyarakat Lawas, Miri dan Padawan dengan penyertaan seramai 80-200 orang (Wan Sulaiman 2011).

Antara pengisian program melibatkan ceramah, forum, seminar dan sesi dialog dengan 'Saudara Kita' bagi mengetahui tahap kefahaman dan penghayatan mereka terhadap Islam. Sementara Program Israk Mikraj Perkampungan 'Saudara Kita' juga berjaya diadakan di Serian, Lawas dan Kanowit. Penglibatan 'Saudara Kita' dalam program ini

amat menggalakkan iaitu antara 100-120 orang Di samping itu turut diadakan ceramah khas wanita sempena Israk Mikraj yang telah diadakan di Mukah yang telah mengundang penyertaan seramai 60 orang. Wanita 'saudara kita' dan masyarakat awam (Profail Laporan Aktiviti dan Program Dakwah JAKIM Cawangan Sarawak 2008)

Pendekatan Dakwah *Bil Hal* turut menyumbang kepada penerimaan Islam di kalangan 'saudara kita'. Penglibatan 'Saudara Kita' antara 70-100 orang. Antara tempat-tempat terpilih seperti di Lawas, Miri, Tebedu, Dewan Majlis Islam Sarawak dan Dewan Seminar YADIM Kuching, pejabat HIKMAH, Rumah Pengerusi 'Saudara Kita' dan Sri Aman, Dewan Serbaguna LAKIS Saratok, Serian, Simunjan dan Lundu. Kebiasaan pendekatan yang digunakan adalah melalui program *Ihya'* Ramadan yang diadakan di perkampungan 'Saudara Kita' di lokasi yang dinyatakan di atas. Pengisian program *Ihya'* Ramadan adalah ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah jemputan seperti En. Hasfa Bakhry b. Hassan (Profail Laporan Aktiviti dan Program Dakwah JAKIM Cawangan Sarawak 2008).

Melalui Program *Ihya* Ramadan dan Majlis Berbuka Puasa di perkampungan Penan yang diadakan di Zon Kelima Miri dan Bintulu telah menarik ramai 'Saudara Kita' menyertai program anjuran JAKIM Cawangan Sarawak ini. Antara Surau atau Masjid yang terlibat seperti Masjid Darul Ehsan, Masjid Jamek Lama, Badan Kebajikan 'Saudara Kita', Surau IKBN, JAKIM dan Lembaga Kebajikan Anak-anak Yatim Miri dan Masjid Al Rahman, Daerah Sebauh (Bintulu). 'Saudara-saudara Kita' akan turut sama berpuasa dan berbuka bersama-sama dengan pihak penganjur. Pembelajaran secara dakwah bil hal ini diharapkan dapat mendidik mereka mendekati amalan berpuasa, cara berpuasa dan bagaimana mereka dilatih menahan diri daripada menyentuh makanan, minuman atau melakukan perkara yang membatalkan puasa.

Seminar Pembangunan Wanita 'Saudara Kita' juga dilihat mampu menarik minat peserta 'Saudara Kita' kepada Islam. Hal ini bagi menunjukkan Islam tidak hanya menekan aspek-aspek Fardu Ain tetapi juga memberi tumpuan kepada aspek-aspek Fardu kifayah. Bagi tujuan ini beberapa pakar telah dijemput bagi menjelaskan isu pembangunan wanita ini yang terdiri daripada Dr. Saadiah bt. Mohd Ali, Ustaz Hj. Ibrahim b. Hj. Hai Lee dan Ustaz Kipli b. Yassin. Penyertaan yang

diterima amat menggalakkan iaitu seramai 100 orang peserta (Rafaiee, 2008). 'Saudara-Saudara Kita' juga didedahkan dengan isu-isu semasa berkaitan dengan cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Islam pada masa kini meliputi persoalan akidah, pendidikan, ekonomi dan sosial. Tujuan diadakan bagi memudahkan mereka memahami situasi yang sedang umat Islam hadapi sekarang. Beberapa pengisian telah diatur dengan menjemput beberapa ustaz yang berkaliber dalam persoalan semasa seperti Ustaz Hj. Ibrahim b. Hj. Lai Hee, Ustaz Hamdan b. Jar'ee yang telah diadakan di perkampungan 'saudara kita' Kuching. Program ini berjaya menarik penyertaan 'Saudara Kita' seramai 50 orang (Rohani, 2007).

JAIS Bahagian Bintulu

Sebagai sebuah jabatan yang bertanggungjawab untuk menyampaikan dakwah dan kefahaman Islam kepada masyarakat Sarawak. Unit Dakwah JAIS Bahagian Bintulu telah menetapkan program pendekatan pendidikan dakwah Kepada 'Saudara Kita' melalui program-program yang bertujuan menjaga akidah, memelihara kesucian Islam dan memberi kefahaman tentang isu-isu Islam. Kekuatan pendekatan program ini turut dibantu oleh 'Urusetia 'Saudara Kita'(USK) Cawangan Rancangan Perumahan Rakyat (RPR) Kidurong Bintulu dan tenaga penggerak daripada Jabatan Kemajuan Islam Cawangan Sarawak (JAKIM) yang ditempatkan di Bahagian Bintulu.

Pendekatan dan strategi mengadakan program Majlis Ramah Tamah Aidilfitri merupakan program khusus untuk masyarakat 'Saudara Kita'¹ di Bahagian Bintulu yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Urusetia Saudara Kita Cawangan Rancangan Perumahan Rakyat (RPR) Kidurong. Ia merupakan antara usaha menjalin ukhuwwah di kalangan saudara semuslim di samping meraikan kemeriahan Aidilfitri. Aktiviti yang dijalankan semasa program ini ialah ucapan aluan oleh Pengerusi Urusetia Cawangan RPR Kidurong iaitu saudara Norman B Abdullah dan ucapan perasmian oleh Pegawai Agama Islam Bahagian Bintulu yang dijemput iaitu Yg Bbhg Ust Khalipah b. Juli yang diselitkan dengan ceramah ringkas memberi penerangan tentang Islam serta jamuan sempena sambutan hari raya. 'Saudara Kita' yang

¹ Istilah Saudara Kita adalah panggilan kepada saudara baru yang memeluk Islam. Di Sarawak saudara baru ini lebih dikenali dengan panggilan 'saudara kita.' Lihat Khalipah b. Juli, Peranan (JAIS) Bahagian Bintulu Sarawak terhadap etnik peribumi Bukan Muslim, Bintulu, Temu bual, 2 November.

masih baharu tentang Islam boleh mengambil manfaat daripada ceramah ringkas ini.

Program ini telah berlangsung selama satu hari setengah dan diadakan di Pejabat Agama Islam Bahagian Bintulu dengan sasaran ‘Saudara Kita’ seramai 150 orang (temubual Khalipah b. Juli, 2009). Pada pengamatan penulis program ini boleh diserikan lagi dengan mengadakan persembahan nasyid daripada ‘Saudara Kita’ yang terdiri daripada pelbagai etnik, tayangan *slide show* tentang isu-isu Islam, CD, DVD atau seni hiburan Islam lain, aktiviti bersukan dan program kebajikan seperti pemeriksaan kesihatan bagi menarik lagi minat dan pengetahuan ‘Saudara Kita’ tentang Islam. Selain itu, program Majlis Berbuka Puasa dan Solat Terawih Bersama ‘Saudara Kita’ juga diadakan dengan jayanya di Pejabat Agama Islam Bahagian Bintulu dan menerima sambutan yang amat menggalakkan daripada kalangan ‘Saudara Kita’ untuk bersama-sama dengan kakitangan JAIS.

Program ini diadakan bagi mengeratkan lagi hubungan silaturahim sesama saudara semuslim daripada kalangan ‘saudara kita’ di samping memupuk minat ‘Saudara Kita’ dengan ajaran Islam dengan lebih mendalam. Antara aktiviti yang diadakan seperti majlis berbuka puasa (jamuan ringan), solat Maghrib berjemaah yang diimamkan oleh Ustaz Zulkipli b. Rafaiee, makan malam bersama ‘Saudara Kita, tayangan video Fardu Ain, solat Insya’ berjemaah yang diimamkan sendiri oleh Pegawai Agama Bahagian Bintulu iaitu Ust. Khalipah b. Juli, tazkirah Ramadan dan solat sunat Terawih yang diadakan secara berjemaah. Program ini bermula dari jam 6.00 petang hingga 9.00 malam.

Program Berambah² Saudara Kita Peringkat Bahagian Bintulu telah diadakan di Kg Penan Maskat dalam Daerah Sebauh Bintulu merupakan kali pertama program seperti ini dilaksanakan. Program ini dianjurkan oleh JAIS Bahagian Bintulu dengan kerjasama JAKIM Cawangan Sarawak Unit Miri dan TBS Sarawak Unit Bintulu. Sepanjang program dijalankan sambutan amatlah menggalakkan dan mendapat kerjasama yang sepenuhnya daripada penduduk kampung.

² Menurut Ust Khalipah b. Juli, Pegawai Agama JAIS Bahagian Bintulu, Berambah dalam bahasa Melanau bermaksud program lawatan dan bermalam di perkampungan saudara baru. Lihat Khalipah b. Juli Peranan,(JAIS) Bahagian Bintulu Sarawak terhadap etnik peribumi Bukan Muslim, Bintulu, Temu bual, 2 November 2008.

Objektif program seperti ini diadakan untuk mendedahkan kepada kumpulan sasar tentang kefahaman serta penghayatan Islam dalam kehidupan mereka di samping mengeratkan silaturahim sesama muslim. Aktiviti yang dijalankan sepanjang program berambek seperti mengadakan sesi amali Fardu Ain, memasak secara bergotong royong, tazkirah dan ceramah selepas solat maghrib dan solat subuh, jamuan makan malam bersama penduduk kampung dan pemberian sumbangan kepada penduduk Penan Kg Maskat. Seramai 10 pegawai daripada JAIS Bahagian Bintulu dan JAKIM Cawangan Sarawak terlibat seperti Ust Khalipah b. Juli, Ust Daud Zakaria, Ust. Zulkipli b. Rafaiee, Ust. Fakhrurrazi b. Daud, Tuan Hj. Muhammad Ali, Ustazah Roqayah bt. Hj. Chek, Ustazah Siti Meriam bt. Othman, Puan Rahmah bt. Hj Ali, En. Salim b. Bujang dan Pn. Norsiah bt. Suhaili .

Melalui program penempatan penggerak-penggerak masyarakat JAKIM di Unit Dakwah JAIS Bahagian Bintulu dipercayai mampu menyuntik kader-kader dakwah melaksanakan tugas-tugas dakwah dengan baik dan berkesan. Menurut Tuan Hj Mohammad Ali Abdullah, pelaksanaan program ini bukan sahaja perlu dilihat dalam aspek pengIslaman etnik Penan semata-mata. Malahan tindakan susulan dan lawatan bagi memastikan ‘saudara kita’ yang baru menerima Islam dapat dipantau dan dipelihara akidah mereka dan mengelakkan mereka daripada kembali kepada kepercayaan asal nenek moyang atau pengaruh gerakan Misi Kristian (Temubual Mohammad Ali, 2010). Sebagai contoh program Safari Ramadan telah berjaya diadakan di Surau Darul Aman Kg. Kemunting Bintulu Sarawak. Hasil program Safari Ramadan ini telah menarik beberapa etnik lain selain etnik Penan kepada Islam termasuk etnik Bidayuh, Melanau dan Iban.

Jadual 3 Rekod Pengislaman Berdasarkan Etnik

Bil	Nama Asal	Bangsa	Jantina	Agama Asal	Tarikh Islam	Sebab Islam
1	Asi Ak Rijek	Bidayuh	Lelaki	Kristian	3/9/2008	Sendiri
2	Rijiah Bt.Jahat	Melanau	Perempuan	Kristian	8/9/2008	Kahwin
3	Florene Ak Patrick Allan	Iban	Perempuan	Kristian	8/9/2008	Sendiri
4	Lai Ak Inu	Iban	Lelaki	Pagan	9/9/2008	Kahwin

5	Merika Ak Bunyak	Iban	Lelaki	Pagan	16/9/2008	Sendiri
6	Rina Ak Lambai	Iban	Perempuan	Kristian	22/9/2008	Kahwin
7	Richard Ak Kanang	Iban	Lelaki	Pagan	23/9/2008	Sendiri

Sumber: *Buku Rekod Pendaftaran Menganut Agama Islam JAIS Bahagian Bintulu*

Antara aktiviti yang telah dijalankan oleh Unit Dakwah Penggerak Masyarakat ‘Saudara Kita’ (PMSK) sepanjang tahun seperti mengadakan kelas pengajian al Quran dan Bimbingan Fardu Ain Saudara Kita dengan kehadiran Sekitar 17-20 orang bertempat di surau Darul Iman Kg. Jepak. Subjek yang diuji berkaitan tahap pengetahuan tentang Islam dan solat sunat dan pengurusan jenazah. Manakala program ceramah sempena Israk dan Mikraj di Surau Darul Aman Kg. Kamuning, kursus Pra Perkahwinan dengan tumpuan kepada ceramah berkaitan ibadah di bilik seminar JAIS, kursus fardu ain di perkampungan ‘saudara kita’ di Kg.Penan Muslim Bt.10 dan Bt 12 ½ jalan Bintulu Miri, dan kursus asas kefahaman Islam.

Bagi memantapkan data pengislaman ‘saudara kita’, pihak JAIS Bintulu turut memperkenalkan Database Pengislaman Etnik Bintulu dengan menyediakan data statistik pemelukan Islam serta mengemas-kinikan maklumat permohonan Islam berkaitan upacara pengislaman, sesi khidmat nasihat dan memantau penggunaan dan pendaftaran ‘saudara kita’ dalam Buku Daftar Pengislaman. Pendekatan melalui program Kelas al-Qur’an dan Bimbingan fardu Ain, pelbagai pendidikan dan pengajaran ilmu Fardu Ain telah diberi untuk memantapkan kefahaman mereka mengenai Islam. Menurut Ustazah Roqayah bt. Hj Chek Pegawai Agama di JAIS Bahagian Bintulu, kelas al-Quran dan bimbingan Fardu Ain ‘saudara kita’ telah berjaya diadakan secara berkala. (Ustazah Roqayah Bt Hj Chek Temu Bual 2010).

Antara subjek dan kandungan yang diajar meliputi perkara-perkara asas dalam Islam, taharah (wuduk dan tayamum, air dan bahagian-bahagian air, hadas dan najis), sesi talaqi al qura’an, menyebut dan mempraktikkan makhraj al Qur’an, tafsir al-Quran, kelas Iqra’, bacaan Iqra’, pengenalan Iqra’, mengenal huruf-huruf hijaiyyah

Peserta juga diuji dengan tahap pengetahuan mereka tentang Islam dan solat merangkumi solat Fardu dan solat sunat merangkumi rukun solat (praktikal), solat ketika sakit (praktikal) dengan memilih seorang peserta menjadi model untuk sesi latihan, persoalan makruh dalam solat, perkara yang membatalkan solat dan perbezaan antara solat lelaki dan perempuan, waktu solat (azan dan iqamat), sunat Hai'ah dan Ab'ad dan sujud sahwi. Menurut Siti Mariam (2011), yang bertindak sebagai penggerak masyarakat JAKIM Cawangan Kuching, maklum balas yang diperolehi menunjukkan terdapat segelintir peserta yang tidak pandai membaca dan menulis, di samping tahap pengetahuan mereka tentang Islam berada di tahap sederhana. Oleh itu dicadangkan agar peserta diajar secara lisan untuk memudahkan mereka memahami setiap isi kandungan Islam yang diajar serta memastikan mereka membuat ulangkaji secara berterusan untuk memupuk minat mereka kepada ilmu tafsir al-Quran dan pembelajaran ilmu Islam.

Objektif utama program kursus fardu Ain diadakan adalah untuk mendedahkan kepada kumpulan sasar tentang kefahaman serta penghayatan Islam dalam kehidupan mereka khususnya dalam ilmu Fardu Ain secara teori dan amali di samping mengeratkan silaturahim sesama saudara seIslam. Antara pengisian program ialah tazkirah tentang 'Pengenalan Islam' yang disampaikan oleh Ustaz Hj. Muhammad Ali Abdullah, kelas Fardu Ain secara teori dan praktikal oleh Ust Khalifah b. Juli, Ustaz Wan Sulaiman b. Wan Maulana dan Ustazah Siti Meriam bt. Othman dan diakhiri dengan ucapan Ketua Kaum, ucapan Pegawai Agama JAIS Bahagian Bintulu dan jamuan ringan bersama penduduk Kg. Penan Muslim Bt. 10 dan Kg. Penan Muslim Bt. 12 ½ dengan melibatkan penyertaan 39 orang etnik Penan dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan.

Kursus Asas kefahaman Islam diadakan bertujuan mendedahkan kepada kumpulan sasar (Saudara Kita) untuk mengenal Islam dengan lebih terperinci serta dapat menarik dan memupuk minat mereka untuk mendalami ilmu Fardu Ain di samping mengeratkan silaturahim sesama saudara semuslim. Antara pengisian program ialah ceramah 1 yang bertajuk 'Apakah Makna Saya Seorang Muslim' yang disampaikan oleh Tuan Hj Muhammad Ali Abdullah, ceramah 2 yang bertajuk 'Akidah' yang disampaikan oleh Ustazah Rukaiah bt. Hj. Zen, ceramah 3 yang bertajuk 'Erti Solat' oleh Ustazah Rukaiah Bt Hj. Zen dan ceramah 4 yang bertajuk 'Dakwah dan Tarbiyah' oleh Ustaz Daud

b. Zakaria. Kursus ini berjaya menarik 24 orang peserta yang terdiri daripada kalangan 'Saudara Kita' yang sebahagian besar baharu memeluk Islam antara tahun 2007 dan 2008.

Pendekatan dakwah melalui program pendidikan kursus asas solat saudara kita dapat memberi kesan yang mendalam bagi proses penghayatan dan kefahaman saudara kita tentang aspek solat. Sehubungan itu JAIS Bahagian Bintulu dengan kerjasama JAKIM Cawangan Sarawak telah mengadakan kursus asas solat 'saudara kita' bertempat di Surau Darul Huda Kg Yuh Suburbun Jaya yang terletak kira-kira 36 kilometer dari Bandar Bintulu.

Seramai 27 peserta terlibat yang terdiri daripada 11 orang lelaki etnik Penan dan 16 wanita etnik Penan yang turut dihadiri oleh Ustaz Khwar Izman b. Ismail, Ketua Penolong Pengarah JAKIM Cawangan Sarawak Unit Miri. Menurut Ustazah Siti Meriam (2010), sepanjang kursus berlangsung, para peserta didedahkan dan dijelaskan dengan lebih terperinci aspek-aspek kesempurnaan solat secara teori dan praktikal dari bab bersuci sehingga mendirikan solat. Maklum balas daripada peserta yang diterima diakhir kursus amat menggalakkan dan mendapat kerjasama penuh dengan harapan agar kursus ini dapat diteruskan lagi pada masa-masa yang akan datang terutama di kawasan-kawasan pedalaman agar syiar Islam dapat ditegakkan di bumi kenyalang ini.

Majlis Islam Sarawak (MIS)

Dakwah melalui pendidikan dan kebajikan diberikan kepada 'Orang Ulu' termasuk masyarakat Penan sebaik sahaja warga 'saudara kita' memeluk agama Islam dengan mengadakan beberapa program dakwah serta menggunakan dua strategi dakwah iaitu dakwah khusus kepada golongan banduan, penagih dadah, budak nakal di sekolah pemulihan akhlak, pesakit hospital, penghuni orang tua, rumah cacat dan orang buta dan meliputi dakwah keluar yang disampaikan kepada orang bukan Islam dan juga mengadakan tindakan susulan kepada 'saudara kita' melalui program jangka panjang. Manakala dakwah umum pula iaitu dengan mengadakan kerjasama dengan Bahagian Urusan Masjid untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti dakwah di masjid dan surau, kursus kepada kakitangan kerajaan, badan berkanun, golongan belia, badan-badan swasta dan pelajar. (Affida Helmi, 1991)

Menurut Taibi Abd. Kadir (2007), pada masa kini MIS telah bergiat aktif menghantar pendakwah –pendakwah keluar kawasan terutama di bahagian pedalaman. Sebagai contoh beliau sendiri ditugaskan selama 3 hari seminggu di Kampung Penan Yuh yang terletak di Suburbun Jaya. Beliau yang berusia 50-an telah bergiat aktif dan menyediakan platform untuk masyarakat Penan di kampung tersebut untuk mendalami ilmu-ilmu keagamaan di surau al-Huda Kampung Yuh. Walaupun kehadiran jemaah Penan yang datang tidak ramai, tetapi sekurang-kurangnya aktiviti dakwah dan keagamaan tetap berlangsung. Beliau menyatakan pada bulan Ramadan, pada minggu pertama dan kedua jemaah Penan agak ramai. Mereka ini turut bergotong royong menyediakan makanan untuk berbuka dan makanan moreh selepas sembahyang terawih. Pada pendapat beliau, masyarakat Penan ini masih banyak yang perlu diberikan perhatian dan disediakan guru-guru agama terlatih untuk memantau amalan Islam dipraktikkan.

Di samping menyediakan peruntukan kewangan bagi menarik minat mereka ke surau atau ke program-program keagamaan yang diadakan di kampung mereka. Pada pemerhatian penulis di Kampung Penan terdapat rasa kesungguhan dan minat yang tinggi masyarakat Penan Islam untuk mempelajari ilmu-ilmu Islam menerusi kehadiran mereka di kelas-kelas pengajian agama di Surau al-Huda, begitu juga di Surau al-Takwa Kampung Penan Bt. 10, meskipun bilangan yang hadir amat sedikit sekitar 10-15 orang, tetapi ketekunan mereka mendengar dan bersoal jawab dengan tenaga pengajar amat mengharukan penulis. Memberi fokus kepada ‘Saudara Kita’ dalam aspek ekonomi keranaaa rata-rata kehidupan etnik Penan adalah berteraskan ekonomi pertanian seperti mengadakan kerjasama dengan jabatan pertanian bahagian Bintulu, bahagian bekalan dan kelengkapan pertanian bertujuan mengeratkan lagi hubungan dengan masyarakat ‘Saudara Kita’ dan mudah memberi penerangan tentang Islam kepada mereka.

Bagi memberi pendedahan awal kepada anak-anak ‘Saudara Kita’ di peringkat kecil lagi agar dapat memahami dan menghayati Islam dengan baik, pihak MIS telah mendirikan tadika-tadika yang berkonsepkan suasana keIslaman di kawasan perkampungan ‘saudara kita’ seperti Tadika al Hikmah Kg. Assyakirin, Tadika Brilliant Kindy Kidurong, Tadika al Nur Kidurong dan Tadika Pasti Jalan Bintulu Miri dan pada masa kini terdapat 19 buah tadika telah dibina di penempatan masyarakat ‘saudara kita’ (Ariffin, 2010).

Di samping itu penubuhan tadika di perkampungan ‘saudara kita’ mampu membantu ibu bapa ‘saudara kita’ menyempurnakan tanggungjawab memberi pendidikan ilmu Fardu Ain, adab, disiplin dan sahsiah muslim pada peringkat awal anak-anak mereka dengan mengambil kira perkembangan psikologi mereka. Para ibu bapa ‘saudara kita’ turut dijemput dalam aktiviti yang diadakan di tadika bertujuan merapatkan lagi hubungan silaturrahim antara para guru tadika dan ibu bapa, di samping ibu bapa sendiri dapat mengetahui dengan lebih lanjut corak pembelajaran, berkongsi maklumat dan pengalaman dengan para guru dalam usaha melahirkan generasi pintar soleh.

MIS turut memberi fokus terhadap kalangan remaja Islam yang sudah terpesong daripada ajaran Islam. Fenomena ini boleh dilihat pada masa kini dengan gejala keruntuhan akhlak, pergaulan bebas, fesyen pakaian yang melampaui batas dan minum wiski atau bir semasa sambutan Hari Raya Aidilfitri atau Aidiladha, kejahatan agama dan mengamalkan budaya Barat yang tidak sesuai dengan nilai-nilai ketimuran. Perkara di atas disokong oleh YBhg Dato Sri Haji Anis (2008) (Mantan YDP MIS dan Mufti) yang berpandangan akhlak remaja Islam pada hari ini semakin goyah kerana kesan zaman penjajahan Barat meskipun sudah berlalu beratus tahun lalu. Sebagai alternatif MIS mengadakan beberapa program khas untuk golongan remaja membina jatidiri, kembali kepada ajaran Islam sebenar dan mewujudkan sekolah agama di Sarawak sebagai pusat pendidikan Islam awal untuk golongan remaja di awal usia lagi.

Tabung Baitul Mal Sarawak (TBS)

Dakwah melalui bantuan kewangan dan agihan wang zakat kepada ‘saudara kita’ (muallaf) selepas mereka memeluk Islam dengan mendekati ‘saudara kita’ melalui lawatan (berambek) ke perkampungan ‘saudara kita’. Program Berambek adalah satu program yang memberi penekanan dalam aspek kemasyarakatan, bertujuan menjalin kerjasama dalam hal pembangunan ummah dan juga sebagai pendekatan dakwah bil hal dengan memberi tumpuan kepada perkampungan ‘saudara kita’ (Muallaf) dan perkampungan Islam yang jauh di pedalaman serta dikenal pasti amat memerlukan perhatian sama ada para pemimpin atau agensi kerajaan.

‘Program Berambek’ TBS Bersama Masyarakat ‘Saudara Kita’ Di Kg.Long Busang Belaga’. Ia diadakan bersempena sambutan perayaan Maal Hijrah peringkat negeri Sarawak 2007 M. ‘Program Berambek’ ini telah diadakan selama 3 hari 3 malam dari 22 hingga 24 Ogos 2007 dan mengambil masa 12 jam perjalanan dari bandar Sibu. Pengisian program meliputi majlis penyerahan bantuan berupa generator, telekung dan kain sarung, Kursus Fardu Kifayah dan Kursus Kesempurnaan Solat, ceramah zakat dan Israk Mikraj, tazkirah subuh, gotong-royong membersihkan masjid, sesi dialog, khutbah Jumaat dan bermain bola sepak dengan penduduk kampung yang turut dihadiri oleh 4 pegawai TBS, 6 pegawai JAIS dan 1 pegawai tadbir Pejabat Residen Kapit.

‘Program Berambek’ TBS Bersama ‘Saudara Kita’ di Kg.Penan Muslim, Batu Telinggai, Niah Miri. Ia diadakan bersempena Sambutan Maal Hijrah 1429 H (2008) dan dipilih sebagai lokasi dakwah bil hal memandangkan perkampungan ‘saudara kita’ ini agak terpencil dan memerlukan perhatian khusus serta bantuan kebajikan.

Pengisian program meliputi majlis penyerahan Bantuan TBS yang telah disempurnakan oleh YB Datuk Ir. Hj. Daud b. Abd. Rahman (Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri (Hal Ehwal Islam) merangkap Pengerusi Lembaga Baitulmal dan Wakaf) seperti Bantuan Keperluan Asas Surau, Bantuan Pendidikan, Bantuan Badan-badan Islam Dan Bantuan Sarahidup yang turut dihadiri oleh Pengarah JAIS Sarawak (Ybhg Datu Misnu Haji Taha), Pengurus Besar TBS (Y. Bhg Hj. Abg. Mohammad Shibli b. Hj. Abg. Mohd Nailie), ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kerajaan dan ketua-ketua masyarakat yang berdekatan . ‘Program Berambek’ TBS Bersama ‘Saudara Kita’ di perkampungan Iban di Bawang Assan, Sibu dengan motto ‘Program Mesra Masyarakat’ (PMM). Ia diadakan bersempena Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Sarawak bersamaan 12 Rabiul Awal 1429H /20 Mac 2008M. PMM telah dijayakan oleh pegawai TBS Zon Tengah (Sibu/Sarekei) dan pelbagai agensi kerajaan, swasta, NGO dan penduduk kampung tersebut. Seramai lebih 500 orang penduduk setempat yang beragama Islam dan bukan Islam turut serta dan memberi kerjasama penuh. Ia diadakan selama 2 hari iaitu dari 22 hingga 23 Mac 2008.

Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan semasa berada di perkampungan 'saudara kita seperti majlis bergotong royong, kaunter perkhidmatan, ceramah agama, ceramah motivasi, persembahan nasyid Dakwah Nai Dinamik, kuliah subuh dan lain-lain. Masyarakat Iban menerima dengan perasaan puas hati dan diharapkan akan dapat dianjurkan lagi pada masa hadapan. Manakala masyarakat Iban bukan Islam pula bersifat terbuka, menyokong dan memberi kerjasama yang amat mengharukan.

Malahan ada cadangan agar agensi kerajaan dan NGO Islam terutamanya memperbanyakkan program ziarah ke kampung mereka kerana jumlah penduduk Iban Islam kian bertambah dan diharapkan dapat didirikan sebuah surau di kampung mereka. Majlis ini ditangguhkan secara rasmi oleh YDP Majlis Islam Sarawak iaitu YBhg. Datu Haji Putit b. Matzen dan turut dihadiri oleh YB Encik Awang Bernee b. Awang Ali Basah, YB Encik Abu Seman B.Jahwie, Pemangku Residen Hj. Ismail Hj. Anis, ketua-ketua agensi, ketua masyarakat dan penduduk kampung berdekatan (Buletin al-Mal, 2008). Bagi mengukuhkan ekonomi masyarakat Islam di Sarawak TBS turut mengurus ibadah waqaf di negeri Sarawak dengan menyediakan saluran kepada masyarakat Islam yang ingin berwaqaf dan antara yang sedang diusahakan oleh TBS seperti melalui konsep waqaf Pusat Islam Negeri Sarawak, Klinik Wakaf An-Nur Sarawak, Masjid Baru Marudi, Surau Kg.Telinggai, Suai dan Surau Kg. Haji.Taha yang terletak di perkampungan 'saudara kita' Miri (Buletin al-Mal, 2008).

Berdasarkan huraian di atas dapat disimpulkan bahawa pendekatan dakwah yang dipraktikkan oleh badan-badan dakwah Sarawak dan Bahagian Bintulu lebih memfokuskan kepada aspek pendidikan. Di samping itu pendekatan lain yang dipraktikkan juga adalah melalui pendekatan bercorak menjaga kebajikan 'saudara kita', aktiviti sukan, lawatan ke perkampungan 'saudara kita', kuliah-kuliah pengajian Islam, kursus-kursus dan bengkel kefahaman Islam serta mendirikan institusi-institusi pendidikan yang banyak menyumbang kefahaman Islam kepada 'saudara kita'.

Program-program yang diadakan juga mendatangkan kesan-kesan positif serta sambutan yang menggalakkan di kalangan masyarakat Islam Sarawak dan 'Saudara Kita.' Fenomena ini ditunjukkan melalui laporan-laporan bulanan yang diperolehi daripada pegawai-pegawai

MIS, JAKIM, JAIS, IKMAS, PERAPI, IIC, BPIM, Institusi Masjid, HIKMAH, BIC, JIM, MACMA, MADU, MAQ, Jemaah Tabligh, Pusat Islam UPM Kampus Bintulu dan penggerak masyarakat 'Saudara Kita' bagi sesi 2011/2012. Badan-badan dakwah yang diterajui oleh pegawai-pegawai agama muda, aktif, mahir dengan ilmu-ilmu teknologi maklumat, kakitangan terlatih, sumber kewangan yang kukuh, kemudahan yang baik, usaha yang tidak mengira penat lelah, masa, tenaga, kesepaduan, perancangan sistematik dan kerjasama dengan agensi-agensi dakwah lain di Sarawak dan Bahagian Bintulu turut menyumbang kepada pertambahan penganut baharu 'Saudara Kita' dan mampu menjalankan peranan dakwah dengan baik.

Bagi menampakkan komitmen untuk menarik masyarakat bukan Islam kepada Islam dan mengekalkan akidah 'saudara kita' yang telah memeluk Islam, beberapa pendekatan lain boleh dipraktikkan antaranya :

- i. Memberi bantuan kewangan untuk membaiki rumah panjang kepada 'Saudara Kita' dengan meletakkan syarat-syarat Islam seperti penjagaan aspek kebersihan dalam keluarga saudara kita.
- ii. Menempatkan kader-kader dakwah di perkampungan 'Saudara Kita' dengan menyediakan bantuan elaun.
- iii. Mendekati ketua-ketua kampung, pamanca, ketua-ketua kaum atau masyarakat dengan sedikit pemberian sagu hati bertujuan menarik dan melembutkan hati mereka.
- iv. Mengadakan program ceramah sambutan hari kebesaran Islam, program pendaftaran pengislaman etnik secara beramai-ramai, pendidikan dan dialog antara agama sebagai alternatif, ³ kursus pra perkahwinan 'saudara kita'.

Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS)

Pada hari ini, aktiviti dakwah Islamiah di Sarawak telah melalui era perkembangan dakwah yang pesat. Walaupun penduduk yang beragama Islam di Sarawak adalah minoriti tetapi dari segi keperluan IKMAS dilihat semakin hari semakin bertambah. Ini ekoran peningkatan bilangan 'saudara kita' terutama di kalangan masyarakat

³ Moedjiono M.Ag., 2005, Islam di Indonesia: telaah fenomena da'wah di tengah pluralitas budaya, tradisi dan agama, Kertas Kerja Seminar Perkembangan Islam Nusantara, Anjuran Majlis Islam Sarawak dan UiTM Sarawak Kuching, 21-23 September, hlm. 20-21.

peribumi yang jelas memerlukan perhatian khusus terutamanya dalam memastikan mereka ini mendapat tunjuk ajar dan keperluan dalam menjalani kehidupan sebagai seorang Islam. Justeru itu, pengenalan Kursus Diploma Pengajian Islam dan Dakwah di IKMAS ini dilihat amat bertepatan dan relevan dalam memenuhi keperluan masyarakat ‘saudara kita’ di Sarawak.

Kaedah dakwah juga melalui fasa perubahan dengan sifat dan medium yang digunakan berbeza mengikut arus semasa. Oleh yang demikian, penubuhan IKMAS di bumi Kenyalang dilihat sebagai salah satu pendekatan optimis dalam aktiviti dakwah Islamiah di Sarawak (*Utusan Sarawak*, 2008). Penubuhan IKMAS dilihat sebagai jalan penyelesaian pendidikan tinggi khusus dalam bidang keagamaan di Sarawak dan Kepulauan Borneo. Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) ¹ ditubuhkan hasil persetujuan Menteri-menteri Agama Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura (MABIMS) kali ke-5 pada 3 hingga 4 Ogos 1994 di Langkawi. Susulan itu, mesyuarat Jemaah Menteri pada 21 September 1994 telah bersetuju dengan penubuhan IKMAS yang akan dibina di Kg. Telaga Air, Kuching Sarawak. IKMAS terletak di kawasan seluas 38 ekar, kira-kira 30 km dari Bandar raya Kuching. (*Kurikulum Program Diploma Pengajian Islam dan Dakwah*, 2007, Ed. Semakan 2007-2011, Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS), Bahagian Latihan JAKIM dengan Kerjasama IKMAS)

Bermottokan ‘*Fastabiqul Khairat*’ yang bermaksud berlumba-lumba mengerjakan kebajikan, IKMAS meletakkan tujuan utamanya ialah untuk ‘melahir dan menyediakan pendakwah yang berilmu, beramal, berakhlak mulia, berhikmah serta mampu menghadapi cabaran semasa’ (IKMAS, 2007). Tujuan utama ini adalah rangkuman dan intipati daripada 3 tujuan penubuhan IKMAS sebagaimana menurut perlembagaannya iaitu ‘melengkapkan pendakwah dengan pelbagai ilmu kemahiran vokasional yang bersesuaian dengan kehendak semasa’ dan ‘melatih pendakwah menjadi pembimbing dan tempat rujukan masyarakat berdasarkan fahaman Ahli Sunnah dan Wal Jamaah’ (IKMAS, 2007).

Jika dilihat kepada tujuan penubuhan IKMAS di atas, penulis mendapati IKMAS mampu melahirkan kader-kader dakwah dan menjana modal insan negara mengikut perkembangan semasa yang

sudah pastinya akan bertanggungjawab menyebar Islam di bumi Sarawak. Hanya dengan pendidikan agama dan pengetahuan dakwah yang sistematik boleh mengubah nasib seseorang mahupun sesebuah agama, etnik, bangsa dan negara. Pada masa yang sama IKMAS turut memperkenalkan Program Persijilan Asas Pengajian Islam (PERAPI) bermula pada tahun 2005 dengan tempoh pengajian selama satu tahun (2 semester). (Kurikulum PERAPI, 2007). Program ini ditawarkan khusus kepada ‘saudara-saudara kita’ dari pelbagai etnik, agama dan adat resam Sarawak.

Program ini dilaksanakan bagi mengukuhkan ilmu pengetahuan Islam di kalangan ‘saudara kita’ di samping melahirkan lebih ramai pendakwah di kalangan ‘saudara kita’ dalam usaha menyebarluaskan Islam kepada masyarakat setempat. Objektif utama PERAPI diperkenalkan adalah untuk memantapkan ilmu ‘saudara kita’ dengan ilmu-ilmu agama, berakhlak mulia, berhikmah serta menghadapi cabara semasa. Di samping melatih peserta menjadi pendakwah, pembimbing masyarakat setempat berdasarkan al-Quran dan Sunnah Nabi Muhammad (s.a.w.).

Pusat Penerangan Islam Sarawak (IIC)

Pusat Penerangan Islam Sarawak (IIC) adalah sebuah institusi Islam yang diletakkan di bawah MIS. Menurut Zabariah Bt.Hj.Matali, Ketua Pegawai Eksekutif IIC, (Zabariah Bt. Hj. Matali, 2008:3 & Mac 2010) antara peranan yang dilaksanakan oleh IIC adalah menyebarluaskan prinsip, nilai dan kesejagatan Islam, pemudahcara memberi kefahaman Islam kepada ‘saudara kita’, Pelbagai program dan aktiviti melibatkan golongan kanak-kanak, belia, kaum ibu, saudara kita, masyarakat bukan Islam dan lain-lain menerusi ceramah-ceramah umum telah diadakan. IIC juga bekerjasama dengan badan-badan dakwah lain seperti Unit Saudara Kita (USK) dan Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dalam usaha memberi penyesuaian sebaik mungkin kepada ‘saudara kita,’ sebagai tempat rujukan masalah yang dihadapi ‘saudara kita,’ meningkatkan penghayatan dan pemahaman Islam, membantu ‘saudara kita’ supaya tidak kembali ke agama asal serta menyampai dan menerangkan ilmu tentang Islam kepada ‘saudara kita’ yang tinggal di kawasan pedalaman bagi mengelakkan berlaku murtad, perceraian dan sebagainya. Pada masa sekarang IIC mendapat bantuan kewangan daripada Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) dalam bentuk wang zakat untuk menggerakkan aktiviti ‘saudara kita’.

Bahagian Pendidikan Islam Dan Moral (BPIM) Pejabat Pelajaran Daerah Bahagian Bintulu

Jabatan Pelajaran Gabungan Bahagian Bintulu (JPGBB), sebelum ini dikenali dengan Jabatan Pendidikan Bahagian Bintulu. Ia mula beroperasi di peringkat Bahagian pada 1 Mac 2003. Sebelum itu JPGBB di bawah pentadbiran Jabatan Pelajaran Bahagian Miri-Bintulu. (Kertas Kerja Bengkel Penyediaan Plan Strategik Bahagian Bintulu 2003) Dengan kewujudan Jabatan Pelajaran Gabungan Bahagian Bintulu, segala urusan rasmi pendidikan di bahagian ini diuruskan di Pejabat Pelajaran Gabungan Bahagian Bintulu. Pada masa kini JPGBB mempunyai 48 buah sekolah rendah dan 7 buah sekolah menengah.

Menurut Ustaz Mohd Jaafar b. Osman (2007), Ketua Unit Pendidikan Islam dan Moral Pejabat Pelajaran Gabungan Bahagian Bintulu Sarawak, daripada jumlah tersebut 2 buah sekolah menengah dan 37 buah sekolah rendah terletak di luar bandar. Ia ditadbir oleh seorang pengarah iaitu Puan Fatimah Bt. Matair dan dibantu oleh seorang Penolong Pegawai Pelajaran iaitu En. Abd. Muin b. Abd. Kassim. Bahagian Pendidikan Islam dan Moral berperanan dalam aspek perkembangan Islam di Bahagian Bintulu seperti mengadakan kursus dakwah dan kepimpinan kepada guru-guru agama Islam dan J-QAF dan mengadakan program keagamaan dan sambutan hari kebesaran Islam. Pentadbiran jabatan ini juga merangkumi Pejabat Pelajaran Daerah Kecil Tatau dan Pejabat Pelajaran Daerah Kecil Sebauh. Kedua-dua Pejabat Pelajaran Daerah Kecil ini diketuai oleh PPDK En. Yusop Hj. Harbi dan PPDK En. Tero Ak Bayel. Profail Jabatan Pelajaran Gabungan Bintulu, Berkuatkuasa, 2 Januari 2007.

Di samping itu, terdapat 5 bahagian lain yang ditugaskan mentadbir urusan berkaitan dengan pendidikan seperti Bahagian Pengurusan Akademik, Bahagian Pengurusan Sekolah, Bahagian Pembangunan Kemanusiaan, Bangunan Pengurusan Perkhidmatan Pendidikan, Bahagian Pembangunan dan Bekalan dan Bahagian Pengurusan Maklumat. Pada setiap bahagian terdapat beberapa unit tertentu untuk melaksanakan tugas-tugas Jabatan.

Sebagai contoh, di bawah Bahagian Pengurusan Akademik terdapat 3 unit utama iaitu Unit Pendidikan Islam dan Moral, Unit Pernilaian dan

Peperiksaan dan Unit Pengurusan Akademik. Pada masa sekarang, Ketua Unit Pendidikan Islam dan Moral diketuai oleh Ust. Ubai b. Piee dan dibantu oleh Puan. Zainab Bt. Julaihi. Unit Pendidikan Islam dan Moral (UPIM) inilah yang bertanggungjawab menjalankan aktiviti-aktiviti agama Islam dan dakwah. Di samping itu, UPIM juga berperanan menyelaras tugas-tugas pentadbiran guru agama yang datang dari Semenanjung untuk berkhidmat di Sarawak. (YB Datuk Abdullah Ahmad Badawi, 1984). Pentadbiran jabatan ini juga merangkumi Pejabat Pelajaran Daerah Kecil Tatau dan Pejabat Pelajaran Daerah Kecil Sebauh. Kedua-dua Pejabat Pelajaran Daerah Kecil ini diketuai oleh PPDK En. Yusop Hj. Harbi dan PPDK En. Tero Ak Bayel. Profail Jabatan Pelajaran Gabungan Bintulu, Berkuatkuasa, 2 Januari 2007.

Di samping itu, terdapat 5 bahagian lain yang ditugaskan mentadbir urusan berkaitan dengan pendidikan seperti Bahagian Pengurusan Akademik, Bahagian Pengurusan Sekolah, Bahagian Pembangunan Kemanusiaan, Bangunan Pengurusan Perkhidmatan Pendidikan, Bahagian Pembangunan dan Bekalan dan Bahagian Pengurusan Maklumat. Pada setiap bahagian terdapat beberapa unit tertentu untuk melaksanakan tugas-tugas Jabatan. Sebagai contoh, di bawah Bahagian Pengurusan Akademik terdapat 3 unit utama iaitu Unit Pendidikan Islam dan Moral, Unit Pernilaian dan Peperiksaan dan Unit Pengurusan Akademik. Pada masa sekarang, Ketua Unit Pendidikan Islam dan Moral diketuai oleh Ust. Mohd Jaafar b. Osman dan dibantu oleh Puan. Zainab bt. Julaihi. Unit Pendidikan Islam dan Moral (UPIM) inilah yang bertanggungjawab menjalankan aktiviti-aktiviti agama Islam dan dakwah. Di samping itu, UPIM juga berperanan menyelaras tugas-tugas pentadbiran guru agama yang datang dari Semenanjung untuk berkhidmat di Sarawak. (Datuk Abdullah Ahmad Badawi 1984:1).

Pada masa kini, Unit ini turut melaksanakan dan memajukan pelajaran agama Islam di keseluruhan sekolah di Bahagian Bintulu. Aktiviti-aktiviti lain yang dilaksanakan adalah menjadi urusetia musabiqah al-Quran Peringkat Bahagian, syarahan agama, kursus-kursus dakwah dan kepimpinan untuk guru agama, lawatan ilmiah dan ceramah serta kursus Nadwah dan kepimpinan pelajar, kelas pengajian al-Quran dan tulisan jawi Termasuk juga pengajian ilmu Fardu Ain atau dikenali sebagai J-QAF (Pendidikan Jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu

Ain) untuk pendidikan Islam kepada pelajar sekolah Rendah. Sebagai Unit yang dipertanggungjawabkan menjaga hal ehwal pendidikan Islam di Bintulu secara formal, maka pelajar yang beragama Islam di sekolah-sekolah Bintulu diwajibkan mengikuti program dan aktiviti di atas sama ada di bawah anjuran sekolah atau pihak Jabatan Pelajaran Bintulu. Di Bahagian Bintulu terdapat 7 buah Sekolah Menengah dan 37 buah Sekolah Rendah. Jumlah Pelajar Islam bagi Sesi 2007 ditunjukkan dalam Jadual 3.1 berikut:

Jadual 4 Sekolah-sekolah di Bahagian Bintulu

Sekolah Menengah	Jumlah Pelajar Islam	Sekolah Rendah	Jumlah Pelajar Islam
SMK Bandar Bintulu,	242	SK Kuala Nyalau, SK Orang Kaya Mohamad, SK Kg.Jepak, SK	
SMK Baru Bintulu,	855	Kg.Baru,SK Kidurong, SK Bintulu, SK Kidurong II,SK Desa Lavang,	
SMK Kidurong,	639	SK Asyakirin,SK Tanjung Bat, SK	
SMK Asyakirin,	159	Kg.Nyalau, SK Sg.Tisang SK	
SMK Bintulu,	731	Sg.Kem Bt.18, SK Ulu Segan SK	
SMT Bintulu	7999	Sg.SetiamSK Sebiew Chienese	
SMK Tatau	510	SK Agama (MIS) Bintulu, SK	
SMK Sebauh	117	St.Anthony, SJK Chung Hua	
		Bintulu, SJK Siong BoonSK Kuala	
		TatauSK Ulu Kakus, SK KelawitSK	
		Rumah Tayai,SK Rumah Keseng,	
		SK Sangan Iban, SK Kuala	
		AnnauSK Tatau, SJK Chung Hua	
		Tatau, SK Pandan, SK Sebauh,	
		Labang, SK K.Binyo, Sk.Sg.Sengian	
		Labang, SK.Kuala Kebulu, SK	
		Sg.Bkt Balai, SJK Chung San.	
JUMLAH	11,252	JUMLAH	5,702

Sumber: Jabatan Pelajaran Gabungan Bahagian Bintulu

Walaupun penekanan program Islam terhadap pelajar Islam, penglibatan pelajar yang bukan Islam turut digalakkan agar mereka tidak ada anggapan yang salah tentang Islam dan bersama-sama meraikan acara hari-hari kebesaran Islam secara harmoni demi perpaduan kaum. Program yang berteraskan Islam ini dikenali sebagai JAKSA bertujuan membentuk pelajar yang cemerlang, melahirkan modal insan yang berkualiti dan membentuk jati diri pelajar Islam Bintulu berteraskan akidah Islam yang mantap dan dibantu oleh

beberapa Unit di bawah JAKSA seperti Unit Pembinaan dan Pengumpulan Modul, Unit Penyelarasan Program, Unit Penyelidikan dan Pembangunan Program (R & D). Unit Dokumentasi dan Penerangan serta Unit Fasilitator dan Kejurulatihan. Pelaksanaan program pula melibatkan 4 peringkat iaitu pelajar, guru-guru, ibu bapa dan AJK Bertindak (JAKSA).

Kebiasaan pelajar Islam dan pelajar ‘saudara kita’ akan dilibatkan dalam aktiviti-aktiviti keagamaan di surau yang disediakan di sekolah. Aktiviti yang diadakan seperti bacaan tahlil pada setiap malam Jumaat di kalangan pelajar Islam dan pelajar ‘saudara kita’ yang tinggal di asrama, praktikal solat di luar waktu pengajaran dan pembelajaran dalam kelas dan sembahyang zohor berjemaah setiap kali masuk waktu zohor di surau sekolah, kerana kebiasaan waktu sembahyang di Sarawak adalah lebih awal berbanding dengan waktu sembahyang di Semenanjung. Pelajar Islam juga akan dilibatkan dalam sambutan perayaan Islam sama ada anjuran Jabatan Residen Bahagian Bintulu atau Jabatan Pelajaran Gabungan Bahagian Bintulu. Peranan badan-badan dakwah di atas juga dilihat berdasarkan objektif penubuhan, bidang kuasa dan kemampuan serta sumbangan yang boleh dilakukan. Badan-badan dakwah kerajaan yang diwakili oleh MIS dan JAKIM Cawangan Sarawak merupakan tonggak utama pengurusan dakwah dan hal ehwal Islam di Sarawak. Berbanding dengan badan-badan kerajaan lain dan badan-badan dakwah bukan kerajaan kecuali HIKMAH.

Badan-badan dakwah bukan kerajaan lain kelihatan masih memerlukan dan mengharapkan sumber tenaga manusia sebagai penggerak sepenuh masa dan sumber kewangan yang tidak menentu. Hanya sebahagian badan-badan dakwah yang mempunyai latar belakang kewangan yang kukuh manakala yang lain masih kurang mampu memainkan peranan yang lebih menyeluruh. Namun usaha dan peranan penting pertubuhan-pertubuhan ini dalam menyemarakkan semangat keIslaman di kalangan masyarakat Islam Sarawak dianggap pelengkap bagi usaha dakwah yang dijalankan oleh badan-badan kerajaan. Oleh itu, disarankan agar setiap pertubuhan dakwah bergiat selari dengan kemampuan dan perubahan dunia semasa. Perancangan tahunan yang dibuat hendaklah berdasarkan realiti dan setiap perancangan hendaklah dinilai setiap kali ia selesai dilaksanakan. Hanya dengan cara ini usaha

dakwah dapat diukur dan atas asas ini lonjakan dakwah berikutnya dapat dilakukan.

Pada masa kini tumpuan dakwah patut mengutamakan golongan belia dan pemantapan penghayatan Islam di kalangan ‘Saudara Kita. Aktiviti dakwah untuk masyarakat awam banyak ditumpukan oleh pelbagai pihak terutama agensi dakwah kerajaan. Oleh itu, disarankan agar MADU, MAQ, JIM, BIC, Pusat Islam UPMKB dan Jemaah Tabligh menumpukan usaha dakwah untuk golongan belia bersama dengan agensi kerajaan lain. Manakala pihak HIKMAH, MACMA, BPIM dan Institusi Masjid menumpukan usaha pemantapan pendakwahan kepada ‘Saudara Kita’.

RUJUKAN

- Affida bt. Helmi. (1991). Metod dakwah di kalangan masyarakat Dayak di Sarawak: satu kajian di Bahagian Pertama. Tesis Sarjana Muda, Jabatan Dakwah dan Falsafah Islam, Universiti Malaya.
- Ariffin Sabeli. (2011). Permasalahan kader-kader dakwah bahagian Bintulu, Bintulu. Sarawak. Temu bual, 10 September.
- _____. (2010). Bilangan tadika yang dibina berdekatan perkampungan ‘saudara kita.’ Bintulu. Sarawak. Temu bual, 14 Mei.
- Buku Rekod Pendaftaran Menganut Agama Islam JAIS Bahagian Bintulu Bulan Ogos 2012.
- Buku Taklimat Bahagian Pendidikan Islam Kepada YB Datuk Abdullah Ahmad Badawi. (1984). Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Islam KPM.
- Buletin Baitul Mal*. (2003). Baitul Mal tanggungjawab kita bersama. Tabung Baitul Mal Sarawak (Majlis Islam Sarawak) Vol.4. Siri 1. Mei.
- _____. (2004). Sejarah penubuhan institusi zakat di Sarawak. Tabung Baitul Mal Sarawak (Majlis Islam Sarawak) Vol.1. Siri 1. Mei.
- _____. (2005). Wang fitrah gembirakan fakir miskin. Tabung Baitul Mal Sarawak (Majlis Islam Sarawak) Vol.6. Siri 2. Oktober.
- _____. (2006). 3 Dalam 1. Tabung Baitul Mal Sarawak (Majlis Islam Sarawak) Vol.8. Siri 1. Januari.
- _____. (2006). Ke mana perginya wang kutipan kita. Tabung Baitul Mal Sarawak (Majlis Islam Sarawak) Vol. 9. Siri 3. Oktober.
- _____. (2007). Kompleks Islam Sarawak. Tabung Baitul Mal Sarawak (Majlis Islam Sarawak). Ed. Oktober-Disember.
- _____. (2007). Pusat Islam Sarawak. Tabung Baitul Mal Sarawak (Majlis Islam Sarawak). Ed. Julai-September.
- _____. (2008). Klinik Wakaf An Nur Sarawak: berbakti untuk masyarakat. Tabung Baitul Mal Sarawak (Majlis Islam Sarawak). Ed. Januari-Mac.

- _____. (2008). Program memantapkan kebajikan ummah. Tabung Baitul Mal Sarawak (Majlis Islam Sarawak). 15 Februari.
- _____. (2008). Program membangunkan institusi Islam. Tabung Baitul Mal Sarawak (Majlis Islam Sarawak). 15 Februari.
- _____. (2008). Program mengukuhkan tradisi keilmuan. Tabung Baitul Mal Sarawak (Majlis Islam Sarawak). 15 Februari.
- Buletin JAKIM*. (2009). Karnival dakwah di Sabah. Tahun 20. Bil. 115. Januari
- Jabatan Pelajaran Gabungan Bahagian Bintulu. (2012).
- Kamus Dewan*. (1998). Ed. ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dwi Bahasa*. (1985). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*. 1995. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Khalipah b. Juli. (2008). Peranan (JAIS) Bahagian Bintulu Sarawak terhadap etnik peribumi Bukan Muslim, Bintulu. Temu bual, 2 November.
- _____. (2010). Organisasi dakwah di Bahagian Bintulu Sarawak, Bintulu. Temu bual, 23 Februari.
- Kurikulum Persijilan Asas Pengajian Islam (PERAPI). (2007). IKMAS. Bahagian Latihan JAKIM dengan Kerjasama IKMAS.
- Kurikulum Program Diploma Pengajian Islam dan Dakwah. (2007). Ed. Semakan 2007-2011. Institut Kemahiran Islam Malaysia.
- Mastuyah Sahari. (2008). Program dan Aktiviti Terhadap saudara Muslim'. Temu bual, 6 November.
- Moedjiono M. Ag. (2005). Islam di Indonesia: telaah fenomena da'wah di tengah pluralitas budaya, tradisi dan agama. Kertas Kerja Seminar Perkembangan Islam Nusantara. Anjuran Majlis Islam Sarawak dan UiTM Sarawak Kuching, 21-23 September.
- Muda @ Ismail Ab. Rahman. (1997). *Strategi dan Metodologi Dakwah Kajian Kes di Sarawak*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- _____. (1998). Strategi dan metodologi dakwah: kajian kes di Sarawak. Kertas Kerja Seminar Prinsip dan Kaedah Dakwah dalam Arus Pembangunan Malaysia. Anjuran Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi. 10-11 Julai.
- Profail Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS). (2007). Kurikulum Program Diploma Pengajian Islam dan Dakwah. Ed. Semakan 2007-2011. Bahagian Latihan JAKIM Dengan Kerjasama IKMAS.
- Profail Laporan Aktiviti dan Program Bahagian Dakwah JAKIM, cawangan Sarawak. (2008).
- Rafaiee Morshidi. (2011). Program dan aktiviti untuk saudara baru, Bintulu. Temu bual, 6 September dan 7 Februari.
- _____. (2010). Kedudukan masjid sebagai institusi pengajaran Islam, Bintulu. Temu bual, 29.Oktober.

- Rohani Ismail. 2007. Statistik pengIslaman etnik peribumi Bahagian Bintulu Sarawak, Bintulu. Temu bual, 5 Mac.
- Taibi Abd.Kadir. 2007. Aktiviti dakwah terhadap masyarakat Penan Yuh Suburbun Jaya, Bintulu. Temu bual, 15 April dan 6 September.
- _____. (2007). Penghayatan Islam masyarakat Penan, Bintulu. Temu bual, 20 Mac.
- Muhamad Ali Abdullah. 2010. Bilangan terkini saudara baru dan permasalahan saudara baru, Bintulu. Temu bual, 10 September.
- Siti Meriam Othman. 2008. Penerimaan Islam di kalangan masyarakat 'Saudara Kita'. Temu bual 27 Oktober.
- _____. (2008) Penggerak masyarakat JAKIM Unit Dakwah JAIS Bahagian Bintulu, Bintulu. Temu bual, 28 Oktober.
- Roqayah Chek. (2008). Pegawai Agama (JAIS) Bahagian Bintulu Sarawak. Bintulu. Temu bual, 28 Oktober.
- Utusan Sarawak*. (2008).
- Wan Sulaiman b. Wan Maulana. (2008). Sumbangan Jabatan Agama Islam Bahagian Bintulu (JAIS) Sarawak dalam aspek dakwah terhadap etnik dan saudara baru, Bintulu. Temu bual, 29 Oktober.
- Anis Abot. (2008). Menelusuri peranan ulama terhadap perkembangan dakwah di Sarawak. *Prosiding Muzakarah Dakwah Negeri Sarawak*.
- _____. (1989). Peranan pegawai Islam di Sarawak dalam dakwah bersepadu. Kertas kerja Muzakarah Pegawai Kanan Islam Negeri Sarawak. Bintulu, 17-19 Februari.

Dr. Ahmad Nasir Mohd Yusof
Pensyarah Kanan
Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan,
Fakulti Ekologi Manusia, UPM,
43400, Serdang Selangor.
E-mail: *ahmadnasir@upm.edu.my*